

15/01/2000

IK mampu cecah 1,000 mata minggu depan

BELIAN berterusan terutamanya pelabur asing terus melonjakkan pasaran saham tempatan bagi mencatatkan rekod tertingginya bagi tempoh dua setengah tahun lalu.

Penganalisis meramalkan prestasi cemerlang itu akan diteruskan minggu depan dengan kemungkinan Indeks Komposit (IK), iaitu penanda aras utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mampu mencecah paras 1,000 mata.

Ketika penutup dagangan semalam IK meningkat 37.64 mata atau 4.23 peratus kepada 928.24 mata, selepas mencatatkan paras tertinggi harian sebanyak 930.38 mata, walaupun berlakunya kegiatan pengambilan untung.

Kenaikan itu adalah kenaikan melebihi 20 mata sejak Selasa lalu sekali gus melepasi jangkaan penganalisis semalam yang meramalkan IK mampu mencecah paras sokongan baru 900 mata.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini turut menjangkakan bahawa IK BSKL akan terus naik melepasi 900 mata tahun ini.

Kelmarin, IK meningkat 20.98 mata untuk ditutup kepada 890.60 mata.

Ketua Penyelidik Ekonomi di SJ Securities Sdn Bhd, Arlina Ariff, berkata IK dijangka akan terus berada pada paras tertinggi minggu depan dan berkemungkinan mampu mencecah paras sokongan baru 1,000 mata.

"Pasaran didorong oleh minat terhadap saham mewah di sektor perbankan dan saham berkaitan indeks tetapi saham seperti perbankan masih menjadi pilihan kerana tempoh penggabungan yang semakin hampir.

"Selain itu, pelabur asing kini mengalihkan tumpuan kepada Malaysia berbanding Amerika Syarikat dan pasaran serantau berikutan keyakinan terhadap sektor perbankan tempatan yang berjaya mengharungi masalah pepijat alaf (Y2K). Pada masa yang sama saham dalam sektor ini masih berada pada paras harga rendah," katanya.

Katanya, pembelian aktif pelabur institusi tempatan dan asing terus menjadi dorongan kepada kenaikan IK semalam serta menjangka tumpuan kepada saham murah akan berlaku minggu depan.

Bagaimanapun, saham berkaitan teknologi tinggi yang agak lemah beberapa hari lalu menyaksikan kenaikan mendadak semalam seperti Malaysian Pacific yang meningkat RM3.25 kepada RM29.00 dan Unisem yang naik RM2.70 kepada RM27.50.

Sementara itu, Ketua Penyelidik TA Securities Sdn Bhd, Francis Tan, berkata, tumpuan masih berterusan ke atas saham mewah dan dana asing memainkan peranan utama dalam kenaikan itu.

Katanya, pasaran meningkat agak banyak disebabkan pembelian aktif pelabur asing dan menyebabkan IK BSKL terus mengukuh.

(END)